

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, August 24, 2017 1:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: SCIMPA Rai Ulang Tahun Pertama



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



24 OGOS 2017 / 02 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

SCIMPA RAI ULANG TAHUN PERTAMA



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) UUM yang berperanan melahirkan modal insan dan pemain industri kreatif menyambut ulang tahunnya pertamanya semalam.

Sehubungan itu satu majlis bagi meraikan ulang tahun pertama pusat pengajian tersebut telah dilangsungkan di Manager's Coffee.

Majlis ulang tahun pertama SCIMPA itu turut diserikan dengan kehadiran Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, Timbalan Pendaftar, Baharudin Yaacob dan Pengarah Canselori, Ahmad Rasidi Abdullah.

Majlis yang diadakan secara santai itu dimulakan dengan pembentangan pencapaian satu tahun SCIMPA oleh Dekan, Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin sebelum diteruskan dengan penyampaian amanat oleh Naib Canselor.

Menurut Naib Canselor industri kreatif merupakan industri lumayan yang dapat menjana kekayaan sehingga \$50 billion Dollar Amerika menjelang tahun 2020.

"Justeru SCIMPA mempunyai prospek yang sangat besar untuk membantu industri kreatif termasuk menjana kekayaan.

"Selain berperanan menghasilkan modal insan dan pemain industri dalam bidang industri kreatif, SCIMPA juga diharap dapat menjana kekayaan menerusi penubuhan unit seni kreatif dan acara komersial yang akan memfokuskan kepada kepada bidang-bidang seperti video dan fotografi, seni dan rekabentuk, muzik, acara dan pengurusan bakat," jelasnya.

Beliau turut menekankan keperluan untuk kakitangan SCIMPA yang datang dari pelbagai latar belakang kreatif untuk bekerja secara bersama-sama atau sinergi bagi menghasilkan sesuatu produk yang mantap.

Di samping itu Naib Canselor juga mahukan pelajar-pelajar SCIMPA terlibat dengan lebih aktif dengan pihak industri bagi membolehkan mereka mendapat pengalaman secara terus daripada pemain industri kreatif.

Majlis itu turut diisi dengan sesi soal jawab antara Naib Canselor dan kakitangan-kakitangan SCIMPA.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.